



## **KENYATAAN MEDIA**

### **GEG BAKAL LUMPUHKAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA**

**KUALA LUMPUR, 05 OKTOBER 2023** – RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang akan mencadangkan dasar Generasi Penamat (GEG) untuk dibentangkan di Parlimen minggu depan bakal menjejaskan industri vape tanah air yang didominasi oleh kaum Bumiputera.

**Setiausaha Agung, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli** berkata, pelaksanaan GEG bakal membunuh industri vape tempatan milik Bumiputera yang kini merupakan antara sektor yang menyumbang kepada ekonomi negara.

“Industri vape di Malaysia yang didominasi oleh Bumiputera dalam kajian terbaru DPVM, sehingga penghujung 2022, Malaysia mempunyai ribuan usahawan tempatan Bumiputera dan tenaga kerja.

“Dalam situasi industri semasa, pelaksanaan GEG ini boleh membantutkan sebarang pembangunan yang telah dicapai oleh pengusaha tempatan yang selama ini bertungkus lumus untuk memajukan industri tempatan,” katanya.

“GEG adalah satu langkah yang terlalu drastik. Melarang sesuatu penggunaan produk yang telah sedang digunakan dalam pasaran adalah satu perkara yang amat sukar untuk dilaksanakan dan hanya akan menimbulkan satu permasalahan lain.”

DPVM yakin jika dilaksanakan, ia bakal secara perlahan membunuh industri vape tempatan yang kini merupakan antara sektor yang menyumbang kepada ekonomi negara.

“Jika dilihat dalam konteks yang lebih besar, ia bukan sahaja akan memberi kesan kepada industri vape, tetapi kesannya juga akan mempengaruhi ekonomi negara dari segi kutipan cukai, tenaga kerja, industri sampingan yang berkaitan dengan industri ini,” ujarinya.

Dalam pada itu, Ridhwan berkata, sekarang bukan waktu yang sesuai untuk negara melaksanakan satu usaha yang drastik seperti ini ekoran ketidakstabilan ekonomi. Hasrat negara untuk mengurangkan kelaziman merokok di negara ini bakal menemui jalan buntu kerana rokok masih boleh didapati malah pada harga yang jauh lebih murah.

“Peluang dan ruang perlu diberikan kepada pengusaha untuk berkembang. Beri dorongan dan ikhtiraf industri vape sebagai salah satu industri yang menyumbang kepada ekonomi negara.

“Apa yang diperlukan industri ketika ini adalah kawal selia dan bukannya GEG. Kawal selia perlu membuat penetapan yang bersesuaian di setiap peringkat pembuatan, pengilangan, pembungkusan dan penjualan,” katanya.

#### **Mengenai Dewan Perniagaan Vape Malaysia**

*Ditubuhkan pada 2015, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) adalah satu-satunya pertubuhan berkaitan vape yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Keutamaan kami adalah untuk membantu menjadikan industri vape di Malaysia lebih berdaya saing dan tersusun. Dengan bantuan ahli kami yang berdedikasi, kami telah menganjurkan kempen kesedaran, acara pembinaan komuniti, latihan mendalam dan sesi penglibatan dengan agensi kerajaan.*

